

30/10/2001

Kerajaan kaji tawaran ambil alih IWK

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, beberapa syarikat sudah menyatakan minat untuk mengambil alih Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), yang kini dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengkaji tawaran mereka itu tetapi belum membuat keputusan sama ada urusan pengendalian syarikat pembetungan nasional itu akan dilakukan menerusi konsortium atau tidak.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran bahawa mana-mana firma yang mengambil alih IWK kelak tidak boleh lagi mengharapkan bantuan kerajaan dan mesti sanggup melabur.

Malah katanya, kerajaan akan memastikan pemilik barunya nanti menumpukan kepada kegiatan pembentungan, bukan menjadikan IWK sebagai dagangan saham bagi mengaut keuntungan.

"Beberapa syarikat sudah menyatakan minat (untuk mengambil alih IWK) dan kita sedang mengkaji. Kita terpaksa menilainya dengan lebih berhati-hati kali ini kerana seperti anda tahu, apabila kita menswastakan ini (IWK) kepada satu syarikat, yang dilakukan bukan kerja rawatan air dan yang berkaitan.

"Sebaliknya, mereka sibuk menjual saham, menjual syarikat mereka satu demi satu. Harga (nilai) syarikat itu naik tetapi tiada apa dilakukan terhadap perjalanan operasi.

"Jadi apabila kita menswastakannya, kita tidak membenarkan mereka (syarikat baru), menjual (IWK) kepada sesiapa," katanya selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara Membangun di Kuala Lumpur.

Kerajaan mengambil alih IWK daripada Prime Utilities Bhd pada Februari tahun lalu dan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Sebelum itu, kerajaan menjadi pemegang saham istimewa dalam IWK apabila ia menyuntik RM925 juta dalam bentuk pinjaman sokongan.

(END)